

18 JUN 2000

Fadzil-Shahnon

ISU SHAHNON SUDAH SELESAI, KATA FADZIL

ALOR SETAR, 18 Jun (Bernama) -- Presiden Pas Datuk Fadzil Noor hari ini berkata beliau menganggap isu Datuk Shahnon Ahmad berhasrat melepaskan jawatan anggota Parlimen Sik, sebagai sudah selesai.

"Isu ini sudah selesai. Ia hanya satu isu yang remeh-temeh dan tidak perlu diperbesarkan. Shahnon masih lagi anggota Parlimen Sik. Dia bukan letak jawatan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan akhbar hari ini mengenai penafian anggota Pas seumur hidup itu terhadap kenyataan akhbar yang menyangkal laporan media bahawa beliau berhasrat untuk melepaskan jawatan anggota Parlimen Sik atas masalah kesihatan.

Shahnon dipetik sebagai berkata beliau tidak pernah menghantar kenyataan bertajuk 'Saya Tidak Pernah Berhasrat Meletak Jawatan Sebagai Ahli Parlimen Sik' itu ke pejabat-pejabat media semalam.

Fadzil berkata media sepatutnya meminta pendapat beliau berhubung kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam akhbar hari ini bahawa jawatan Perdana Menteri boleh dipegang oleh orang Cina atau India satu ketika nanti, daripada terus-menerus memperbesarkan isu Shahnon.

"Kenyataan Dr Mahathir itu adalah semata-mata untuk mengambil hati orang Cina," katanya sebagai mengulas kenyataan Perdana Menteri itu yang dibuat semasa berucap merasmikan Perhimpunan Agung MCA ke-47 di ibu negara semalam.

Fadzil juga enggan mengulas apabila ditanya mengenai kenyataan Ketua Pengarang Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) Syed Jamil Jaafar yang melahirkan kesalnya dengan dakwaan beliau bahawa laporan agensi itu mengenai hasrat Shahnon untuk melepas jawatan itu adalah karut dan bohong.

Syed Jamil dilaporkan hari ini sebagai berkata bahawa laporan itu ditulis berdasarkan maklumat yang diberikan oleh tuan tubuh sendiri, dan bukannya daripada sumber lain.

Katanya bukan amalam agensi itu untuk mereka-reka berita atau membohongi pembaca.

-- BERNAMA

MAN NMO